

REKOD RAYUAN
TAMBAHAN 1

DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYA DI PUTRAJAYA
(BIDANG KUASA RAYUAN)
RAYUAN JENAYAH NO.: W-05-296-08/2023
Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No.: WA-44-38-04/2023

PENDAKWA RAYA

...PERAYU

LAWAN

MAHIADDIN BIN MD YASIN
(470515015401)

...RESPONDEN

NAMA HAKIM YANG MEMBICARAKAN KES PERTUDUHAN : YA Dato' Muhammad Jamil Bin Hussin

: **WA-44-38-04/2023**
T1] Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
T2] Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
T3] Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
T4] Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

KEPUTUSAN : **WA-44-38-04/2023**
Permohonan Responden dibenarkan
Empat pertuduhan terhadap Responden di bawah Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 di dalam kes perbicaraan jenayah No. WA-61R-5-03/2023 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dibatalkan
Responden dilepaskan dan dibebaskan daripada keempat-empat pertuduhan di dalam kes perbicaraan jenayah No. WA-61R-5-03/2023 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur

RAYUAN TERHADAP KESELURUHAN KEPUTUSAN



S/N GyyCwmN860G6H2DWWMfrQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

DISEMAK OLEH:



NURSHAFINI BINTI MUSTAFHA

Timbalan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur



S/N GyyCwmN860G6H2DWWMfrQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYA DI PUTRAJAYA
(BIDANG KUASA RAYUAN)
RAYUAN JENAYAH NO.: W-05-296-08/2023
Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No.: WA-44-38-04/2023

PENDAKWA RAYA

...PERAYU

LAWAN

MAHIADDIN BIN MD YASIN
(470515015401)

...RESPONDEN

INDEKS

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1	Alasan Penghakiman	1 - 37



S/N GyyCwmN860G6H2DWWMfrQ

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
PERMOHONAN JENAYAH NO: WA-44-38-04/2023**

ANTARA

MAHIADDIN BIN MD YASIN

PEMOHON

DAN

PENDAKWA RAYA

RESPONDEN

PENGHAKIMAN

Pendahuluan

[1] Pemohon Tan Sri Mahiaddin bin Md Yasin, mantan Perdana Menteri Malaysia melalui notis usul bertarikh 18 April 2023 (Kand. 1) memohon perintah-perintah berikut:

1. bahawa empat pertuduhan di bawah seksyen 23(1) Akta



S/N myT/1zb3l0ud1qUkHuYoog

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta SPRM) dalam kes no. WA-61R-5-03/2023 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur diketepikan atau dibatalkan; dan

2. bahawa dia dilepaskan dan dibebaskan dari empat pertuduhan tersebut; atau
3. bahawa secara alternatif, empat pertuduhan tersebut dan prosiding jenayah dalam kes tersebut digantung secara kekal.

[2] Pemohon mengikrarkan suatu affidavit sokongan (Kand.2) bagi menyokong permohonannya.

[3] Responden memfailkan suatu affidavit jawapan yang diikrarkan oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Lim Wai Keong (Kand. 4) menentang permohonan pemohon.

[4] Pemohon mengikrarkan suatu affidavit balasan (Kand.8) kepada affidavit jawapan responden.

Asas permohonan pemohon

[5] Asas permohonan pemohon ialah empat pertuduhan tersebut cacat dan tidak sah di sisi undang-undang (defective and bad in law).

[6] Pemohon bersandarkan kepada dua alasan berikut:



- i. bercanggahan dengan seksyen 152 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) empat pertuduhan tersebut tidak mendedahkan suatu kesalahan di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM; dan
- ii. bercanggahan dengan seksyen 154 KTJ empat pertuduhan tersebut kekurangan dalam butir-butir.

Latar belakang fakta

[7] Pada 10 Mac 2023 pemohon dituduh di Mahkamah Sesyen 9 Kuala Lumpur dengan empat pertuduhan di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM.

[8] Pemohon minta dibicarakan atas empat pertuduhan tersebut.

[9] Pada tarikh sama pemohon dituduh di Mahkamah Sesyen 14 Kuala Lumpur dengan dua pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(b) dibaca bersama seksyen 87(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001(AMLATFPUA).

[10] Pemohon minta dibicarakan atas dua pertuduhan tersebut.

[11] Pada 13 Mac 2023 pemohon dituduh di Mahkamah Sesyen 1 Shah Alam, Selangor dengan satu pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(b) dibaca bersama seksyen 87(1) AMLATFPUA.

[12] Pemohon minta dibicarakan atas pertuduhan tersebut.



[13] Di atas permohonan responden, Hakim Mahkamah Sesyen 1 Shah Alam, Selangor memindahkan kes tersebut ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Kuasa sedia ada mahkamah

[14] Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa sedia ada untuk mengetepikan dan membatalkan pertuduhan atau menggantung pertuduhan secara kekal.

[15] Dalam Ahmad Zubair Hj Murshid v. PP [2014] 9 CLJ 289 Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut:

[25] In the present case both the High Court and the Court of Appeal held that the High Court has inherent power to set aside and quash or stay the charges permanently against the appellant. Historically the doctrine of inherent power which allowed the High Court to prevent an oppressive and mala fide prosecution, abuse of process and to do wrong in the administration of justice has its origin in the English common law. Such doctrine can be traced in the following cases:

(a) Metropolitan Bank Ltd & Anor v. Poolev [1881-1885] All ER Rep 949, where it was held:

There is an inherent power in every court of justice to stay a manifestly vexatious suit and to prevent vexatious suit and so protect itself from an abuse of its procedure...



(b) In *Connelly v. Deputy Public Prosecutor* [1964] 2 All ER 401 at p. 409, Lord Morris of Borth-Y-Gest said:

There can be no doubt that a court which is endowed with a particular jurisdiction has powers which are necessary to enable it to act effectively within such jurisdiction. I would regard them as powers which are inherent in its jurisdiction. A court must enjoy such powers in order to enforce its rules of practice and to suppress any abuses of its process and to defeat any attempted thwarting of its process.

The power (which is inherent in a court's jurisdiction) to prevent abuses of its process and to control its own procedure must in a criminal court include a power to safeguard an accused person from oppression or prejudice.

(c) In *Mills v. Cooper* [1967] 2 All ER 100, at p.104 Lord Parker CJ said:

Every Court has undoubtedly a right in its discretion to decline to hear proceedings on the ground that there are oppressive and an abuse of the process of the court...

(26) Although we accept the foregoing principles stated above as the correct statement of the law, we must caution ourselves that the inherent powers of the court must be exercised in exceptional circumstances to prevent undue oppression and abuse of the



process of the court...

[16] Dalam *Karpal Singh & Anor v. PP* [1991] 2 MLJ 544) Mahkamah Agung menyatakan seperti berikut:

...Our considered opinion is that the English doctrine of inherent jurisdiction is hardly applicable in the subordinate courts but the High Court may invoke such prerogative powers in rare instances where it is right to do justice to the accused...

[17] Kuasa sedia ada tidak boleh dilaksanakan sewenang-wenangnya. Hanya dalam kes-kes tertentu sahaja kuasa sedia ada boleh dilaksanakan. Kuasa sedia ada mestilah dilaksanakan dalam hal keadaan luar biasa sahaja bagi mengelakkan penindasan dan penyalahgunaan proses mahkamah.

[18] Dalam kes *Ahmad Zubair Hj Murshid v. PP supra* Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut:

[26] ..., we must caution ourselves that the inherent powers of the court must be exercised in exceptional circumstances to prevent undue oppression and abuse of the process of the court...

[19] Mahkamah tidak boleh melaksanakan kuasa sedia ada berhubung mana-mana perkara yang diliputi oleh peruntukan khusus undang-



undang atau pelaksanaannya akan melanggar mana-mana peruntukan khusus undang-undang.

[20] Dalam Ahmad Zubair Hj Murshid v. PP supra, Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut:

[26] ...As such we may hasten to add that the inherent jurisdiction of the court is therefore not as wide as it seems to be. Much depends on the facts and circumstances and clearly the court cannot exercise its inherent jurisdiction in respect of any matter covered by specific provisions of the law or if its exercise would infringe any specific provisions of the law...

[21] Di samping itu juga, mahkamah hanya akan melaksanakan kuasa sedia ada apabila terdapat salah laksana keadilan.

[22] Dalam Karpal Singh & Anor v. PP supra Mahkamah Agung menyatakan seperti berikut:

In matters like criminal law of a purely domestic nature, our view is that the court will only exercise its inherent powers when there is miscarriage of justice...

[23] Sebagai contoh mahkamah melaksanakan kuasa sedia: dalam Abdul Azeez Abdul Rahim v. PR [2022] 1 LNS 1995 Mahkamah Rayuan mengetepikan pertuduhan pindaan ketiga, ketujuh, kelapan dan kesembilan di bawah AMLATFPUA terhadap perayu; dalam Anuar bin Ghazali v. PP [2021] 9 MLJ 409 Mahkamah Tinggi membatalkan dua pertuduhan pindaan di bawah seksyen 405 Kanun Keseksan terhadap



pemohon; dan dalam Ahmad Hatta bin Kamaruzzaman v. PR [Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Permohonan Jenayah No: WA-44-75-04/2022] mahkamah ini mengetepikan dan membatalkan pertuduhan di bawah seksyen 591(2)(a) Akta Syarikat 2016 terhadap pemohon.

Pertuduhan terhadap pemohon

[24] Empat pertuduhan terhadap pemohon di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM adalah dirangka seperti berikut:

Pertuduhan pertama

Bahawa kamu di antara 8 Februari 2021 dan 25 Februari 2021, di Pejabat Perdana Menteri, Blok Utama, Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya, sebagai seorang pegawai badan awam, iaitu Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia, telah menggunakan kedudukan kamu untuk satu suapan, iaitu wang berjumlah RM200,000,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Juta) daripada Bukhary Equity Sdn. Bhd., bagi sekutu kamu iaitu Parti Pribumi Bersatu Malaysia, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.



S/N myT/1zb3I0ud1qUkHuYoog

8

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

8

Pertuduhan kedua

Bahawa kamu di antara 1 Mac 2020 dan 20 Ogos 2021, di Pejabat Perdana Menteri, Blok Utama, Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya, sebagai seorang pegawai badan awam, iaitu Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia, telah menggunakan kedudukan kamu untuk satu suapan, iaitu wang berjumlah RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta) daripada syarikat Nepturis Sdn. Bhd., bagi sekutu kamu iaitu Parti Pribumi Bersatu Malaysia, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan ketiga

Bahawa kamu di antara 1 Mac 2020 dan 20 Ogos 2021 di Pejabat Perdana Menteri, Blok Utama, Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya, sebagai seorang pegawai badan awam, iaitu Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia, telah menggunakan kedudukan kamu untuk satu suapan, iaitu wang berjumlah RM19,500,000.00 (Ringgit Malaysia Sembilan Belas Juta Lima Ratus Ribu) daripada syarikat Mamfor Sdn. Bhd., bagi sekutu kamu iaitu Parti Pribumi Bersatu Malaysia, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 23(1)



Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan keempat

Bahawa kamu di antara 1 Mac 2020 dan 20 Ogos 2021, di Pejabat Perdana Menteri, Blok Utama, Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya, sebagai seorang pegawai badan awam, iaitu Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia, telah menggunakan kedudukan kamu untuk satu suapan, iaitu wang berjumlah RM12,000,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Belas Juta) daripada Azman bin Yusoff (No. K/P:720103-11-5747), bagi sekutu kamu iaitu Parti Pribumi Bersatu Malaysia, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Keputusan mahkamah

[25] Saya telah menimbang hujahan bertulis, hujahan balasan bertulis, hujahan balasan lanjutan bertulis dan hujahan lisan peguam pemohon dan hujahan bertulis, hujahan balasan bertulis dan hujahan lisan TPR serta nas undang-undang yang dirujuk.

[26] Hujahan TPR bahawa Mahkamah Sesyen boleh menangani isu perlembagaan di bawah seksyen 30 Akta Mahkamah Kehakiman 1964;



bahawa seksyen 173(g) KTJ terpakai untuk menangani isu pertuduhan tidak berasas dan permohonan pemohon adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah; bahawa kuasa Peguam Negara di bawah Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan untuk memulakan suatu prosiding jenayah; dan bahawa empat pertuduhan tersebut dirujuk sebagai kesalahan salah guna kuasa, tidak mempunyai merit.

[27] Pemohon tidak membangkitkan apa-apa isu perlembagaan, maka seksyen 30 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 tidak relevan dan tidak terpakai. Seksyen 173(g) KTJ tidak relevan dan permohonan pemohon bukan suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Pemohon berhak memohon melalui notis usul kepada Mahkamah Tinggi untuk mengetepikan atau membatalkan pertuduhan terhadapnya (lihat *Karpal Singh & Anor v. PP supra*). Pemohon tidak mempertikaikan kuasa budibicara Peguam Negara di bawah Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan. Dalam *Dato' Sri Mohd Najib Hj Abd Razak v. PP & Other Appeals (No. 4) [2022] 8 CLJ 393* Mahkamah Persekutuan juga menggunakan perkataan salah guna kuasa bagi kesalahan di bawah seksyen 23 Akta SPRM.

[28] Responden mengakui bahawa mahkamah boleh membatalkan empat pertuduhan tersebut jika empat pertuduhan tersebut cacat.

[29] Saya memutuskan permohonan pemohon atas merit. Sekarang saya menimbang alasan yang disandarkan oleh pemohon.

Alasan (i): tiada kesalahan yang didedahkan

[30] Peguam pemohon berhujah:



S/N myT/1zb3l0ud1qUkHuYoog

11

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

11

- i. empat pertuduhan tersebut cacat.
- ii. tiada kesalahan yang didedahkan dalam empat pertuduhan tersebut.
- iii. takrif sekutu di bawah seksyen 3 Akta SPRM adalah exhaustive (menyeluruh) dan restrictive (terhad). Terdapat hanya lima kategori orang yang ditakrifkan sebagai sekutu.
- iv. Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) adalah parti politik yang didaftarkan di bawah seksyen 7 Akta Pertubuhan dan sebuah pertubuhan. Pertubuhan bukan sekutu seperti ditakrifkan di bawah seksyen 3 Akta SPRM.
- v. perkataan organisasi dalam takrif sekutu di perenggan (c) seksyen 3 Akta SPRM tidak termasuk suatu pertubuhan.

[31] TPR berhujah:

- i. empat pertuduhan tersebut tidak cacat.
- ii. empat pertuduhan tersebut mendedahkan suatu kesalahan di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM.
- iii. perkataan organisasi dalam takrif sekutu di perenggan (c) seksyen 3 Akta SPRM merangkumi suatu pertubuhan.



- iv. perkataan organisasi adalah sinonim dengan perkataan pertubuhan yang membawa maksud sama iaitu kesatuan orang-orang dalam suatu kumpulan untuk tujuan tertentu yang sama.
- v. PPBM sebuah pertubuhan parti politik yang terdiri daripada orang-orang yang disatukan untuk tujuan sama adalah organisasi dalam takrif sekutu di perenggan (c) seksyen 3 Akta SPRM.

[32] Empat pertuduhan tersebut terhadap pemohon adalah bagi kesalahan di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM.

[33] Seksyen 23(1) Akta SPRM memperuntukan seperti berikut:

23. (1) Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan suatu kesalahan.

[34] Kesalahan di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM adalah bagi pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukan untuk satu suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.

[35] Empat pertuduhan terhadap pemohon adalah kesalahan menggunakan kedudukan untuk satu suapan bagi sekutunya PPBM. Empat pertuduhan tersebut menyatakan pemohon sebagai seorang pegawai badan awam iaitu Perdana Menteri Malaysia dan Presiden



PPBM telah menggunakan kedudukannya untuk satu suapan iaitu sejumlah wang dan suapan itu bagi sekutunya PPBM.

[36] PPBM adalah suatu pertubuhan yang didaftarkan di bawah seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966.

[37] Pemohon menegaskan bahawa PPBM yang merupakan suatu pertubuhan yang didaftarkan di bawah seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 tidak boleh ditakrifkan sebagai sekutu sebagaimana takrif sekutu di bawah seksyen 3 Akta SPRM perenggan (c) mana-mana organisasi. Parlimen tidak mungkin berhasrat perkataan organisasi juga termasuk suatu pertubuhan. Akta SPRM menggunakan perkataan organisasi dan pertubuhan secara berasingan dan berlainan maka perkataan tersebut hendaklah diberikan makna yang berbeza. Perkataan pertubuhan tidak dimasukkan ke dalam takrif sekutu adalah hasrat Parlimen untuk mengecualikan pertubuhan yang termasuk parti politik daripada pemakaian kesalahan di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM.

[38] Isu dalam alasan (i) ialah sama ada pertubuhan yang didaftarkan di bawah seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 adalah sekutu sebagaimana takrif di bawah seksyen 3 Akta SPRM. Jika bukan, maka empat pertubuhan tersebut tidak mendedahkan suatu kesalahan di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM.

[39] Takrif sekutu di bawah seksyen 3 Akta SPRM adalah seperti berikut:

“sekutu”, berhubungan dengan seseorang, ertinya-

(a) mana-mana orang yang merupakan penama atau



pekerja orang itu;

- (b) mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu;
- (c) mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam, perniagaannya atau hal ehwalnya;
- (d) mana-mana perbadanan mengikut Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau
- (e) pemegang amanah mana-mana amanah, jika-
 - (i) amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau
 - (ii) nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa,



tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada keseluruhan nilai aset amanah itu.

[40] Takrif sekutu di bawah seksyen 3 Akta SPRM menggunakan perkataan “ertinya” (means). Justeru takrif sekutu adalah menyeluruh (exhaustive) dan terhad (restrictive). Ini kerana perkataan “ertinya” digunakan selepas perkataan sekutu.

[41] Dalam Emmanuel James Kalu v. PP [2017] MLRAU 173 Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

[18] It is to be noted that para 13(1) of the Schedule contains the words “means” and “includes” at the same time. This is significant. NS Bindra’s Interpretation of Statutes, Tenth Edn. at p 1646 had this to say:

“It is well-known that the legislature uses the word “mean” where it wants to exhaust the significance of the term ‘defined’ and...

And on the word ‘means’, it says this at p 1674:

“Generally, when definition of a word begins with ‘means’ it is indicative of the fact that the meaning of the word has been restricted; that is to say, it would not mean anything else but what has been indicated in the definition itself”.



[42] Responden tidak mempertikaikan bahawa takrif sekutu di bawah seksyen 3 Akta SPRM adalah menyeluruh (exhaustive) dan terhad (restrictive).

[43] Justeru, di bawah seksyen 3 Akta SPRM hanya terdapat lima kategori orang yang ditakrifkan sebagai sekutu.

[44] Kategori orang yang relevan di sini ialah di bawah perenggan (c) mana-mana organisasi.

[45] Perenggan (c) seksyen 3 Akta SPRM menyatakan seperti berikut:

mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam, perniagaannya atau hal ehwalnya.

[46] Pada pandangan saya Akta SPRM memberikan perbezaan yang jelas antara organisasi dan pertubuhan. Ini boleh dilihat daripada Akta SPRM sendiri yang menggunakan kedua-dua perkataan organisasi dan pertubuhan.

[47] Seksyen 3 Akta SPRM memberikan takrif “badan awam” termasuklah-

(e) mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah subseksyen 7(1) Akta Pertubuhan 1966;



- (l) mana-mana pertubuhan, kesatuan, organisasi atau badan yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.

[48] Seksyen 71(1) Akta SPRM memperuntukan seperti berikut:

- 71(1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, menetapkan mana-mana pertubuhan, kesatuan, organisasi atau badan sebagai badan awam.

[49] Dalam Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Bil.76 bertarikh 15 Disember 2008, YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan seperti berikut:

Perluasan tafsiran bagi badan awam ini membolehkan SPRM mengambil tindakan ke atas mana-mana pertubuhan, badan, kesatuan dan organisasi kerana mereka turut menerima bantuan kewangan daripada pihak kerajaan. Walaupun Menteri mempunyai kuasa mengeluarkan perintah yang disiarkan dalam warta untuk menentukan mana-mana pertubuhan, badan, kesatuan dan organisasi sebagai badan awam dalam Akta Pencegahan Rasuah 1997, adalah wajar sekiranya tafsiran tersebut diperluas dan dinyatakan secara khusus dalam rang undang-undang ini bagi membolehkan tindakan segera diambil oleh pihak suruhanjaya.



[50] Apabila Akta SPRM sendiri menggunakan perkataan organisasi dan pertubuhan secara berasingan dan berlainan maka perkataan tersebut merujuk kepada perkara yang berbeza.

[51] Dalam *Lee Lee Cheng v. Seow Peng Kwang* [1959] 1 MLRA 246 Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

[26] It is axiomatic that when different words are used in a statute they refer to different things and this is particularly so where the different words are, as here, used repeatedly. This leads to the view that in the Ordinance there is a distinction between the jurisdiction of a Court and its powers, and...

[52] Jelas kepada saya bahawa di dalam Akta SPRM terdapat perbezaan antara organisasi dan pertubuhan. Organisasi merujuk kepada organisasi sebagaimana yang dinyatakan di bawah perenggan (c) seksyen 3 Akta SPRM manakala pertubuhan merujuk kepada pertubuhan yang didaftarkan di bawah seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966.

[53] Saya tidak setuju dengan hujahan TPR bahawa perkataan organisasi dalam takrif sekutu di perenggan (c) seksyen 3 Akta SPRM merangkumi suatu pertubuhan.

[54] Akta SPRM sendiri menggunakan kedua-dua perkataan organisasi dan pertubuhan secara berasingan dan berlainan. Maka perkataan organisasi dan pertubuhan merujuk kepada dua entiti yang berbeza.



Perkataan organisasi tidak boleh diperluas untuk merangkumi antara lain suatu pertubuhan,

[55] Makna kamus (dictionary meaning) perkataan organisasi seperti diujahkan oleh TPR tidak boleh diterima pakai kerana ia membuatkan perkataan pertubuhan dalam seksyen 3 dan 71(1) Akta SPRM redundant (lihat *PP v. Tan Tatt Eek & other appeals* [2005] 2 MLJ 685).

[56] Memang benar tujuan Akta SPRM ialah bagi pencegahan rasuah. Namun begitu, bagi perkataan yang nyata dan jelas perkataan itu mesti diberikan maknanya secara semula jadi dan biasa (lihat *Hari Bhadur Ghale v. PP* [2012] 6 MLJ 597; *PP v. Tan Tatt Eek & other appeals supra*).

[57] Akta SPRM dengan nyata dan jelas menggunakan kedua-dua perkataan organisasi dan pertubuhan. Makna secara semula jadi dan biasa perkataan organisasi dan pertubuhan ialah organisasi dan pertubuhan adalah dua entiti berbeza, terdapat perbezaan antara organisasi dan pertubuhan dan organisasi tidak boleh diperluas untuk merangkumi suatu pertubuhan.

[58] Jika hasrat Parlimen menghendaki takrif sekutu di bawah seksyen 3 Akta SPRM termasuk suatu pertubuhan yang didaftarkan di bawah seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 maka seharusnya perkataan pertubuhan dimasukkan di bawah takrif sekutu, sebagaimana perkataan pertubuhan dimasukkan di bawah takrif badan awam seksyen 3 Akta SPRM. Perkataan pertubuhan tidak dimasukkan di bawah takrif sekutu seksyen 3 Akta SPRM menunjukkan dengan jelas hasrat Parlimen bahawa takrif sekutu tidak termasuk suatu pertubuhan.



[59] Pada pandangan saya perkataan organisasi dalam takrif sekutu di perenggan (c) seksyen 3 Akta SPRM tidak termasuk suatu pertubuhan.

[60] Suapan bagi sekutunya PPBM adalah suatu elemen kesalahan bagi kesalahan di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM. PPBM suatu pertubuhan bukan sekutu seperti ditakrifkan di bawah seksyen 3 Akta SPRM.

[61] Empat pertuduhan tersebut yang menyatakan suapan bagi sekutunya PPBM tidak mendedahkan suatu kesalahan di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM.

[62] Jelas kepada saya pemohon dituduh dengan suatu kesalahan yang tidak diperuntukan oleh undang-undang (offence unknown in law).

[63] Empat pertuduhan tersebut cacat kerana tidak mendedahkan suatu kesalahan di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM.

[64] Pertuduhan yang tidak mendedahkan suatu kesalahan di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM adalah suatu salah laksana keadilan.

[65] Dalam *C Mohamad v. PP* [1974] 1 MLJ 25 Mahkamah Tinggi menyatakan seperti berikut:

... Since the charge does not disclose any offence known to law, it is not necessary nor desirable for me to consider the provisions of the Criminal Procedure Code as urged by the learned Deputy Public Prosecutor because there is an apparent miscarriage of justice.



Alasan (ii): kekurangan dalam butir-butir

[66] Peguam pemohon berhujah:

- i. empat pertuduhan tersebut cacat.
- ii. empat pertuduhan tersebut bercanggahan dengan seksyen 154 KTJ kerana tidak menyatakan cara pemohon melakukan kesalahan menggunakan kedudukan.
- iii. empat pertuduhan tersebut adalah kabur(vague), tiada notis secukupnya diberikan kepada pemohon dan pemohon tidak boleh memberikan arahan wajar kepada peguam dalam persediaan bagi pembelaan dirinya.
- iv. kecacatan itu tidak boleh dipulihkan oleh seksyen 156 dan atau seksyen 422 KTJ.
- v. hak pemohon untuk suatu perbicaraan adil dan perlindungan samarata di bawah Perkara 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan telah dicabuli.

[67] TPR berhujah:

- i. tiada sebarang asas bahawa empat pertuduhan tersebut cacat.
- ii. semua kehendak seksyen 152, 153 dan 154 KTJ telah dipenuhi.



- iii. undang-undang dan nas undang-undang berkenaan seksyen 23(1) Akta SPRM tidak mewajibkan untuk menyatakan cara kesalahan dilakukan oleh pemohon.
- iv. cara pemohon melakukan kesalahan bersifat evidential yang dikemukakan ketika perbicaraan.
- v. empat pertuduhan tersebut mengandungi butir-butir lengkap dan memberikan notis mencukupi bagi pemohon menyediakan pembelaannya.
- vi. tiada pelanggaran Perkara 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan.

[68] Tujuan suatu pertuduhan ialah untuk maklumkan tertuduh kesalahan yang dilakukan supaya dia boleh menyediakan pembelaannya (lihat PP v. Dato' Saidin Thamby [2012] 4 CLJ 15).

[69] Adalah penting bahawa seseorang yang dituduh dengan pertuduhan diberikan butir-butir mencukupi supaya dia tahu apa pertuduhan terhadapnya, dan untuk dia menyediakan pembelaannya.

[70] Dalam Yoh Meng Heng v. PP [1970] 1 MLJ 14 Mahkamah Tinggi menyatakan seperti berikut:

In my view, it is essential that a person accused of a charge should be given sufficient particulars to know just what the charge



against him is, so that he may rebut it. It is embarrassing to the defence not to know just what he is alleged to have contravened...

[71] Dalam PP v. Teoh Choon Teck [1963] 29 MLJ 34 Mahkamah Tinggi menyatakan seperti berikut:

If there be any one principle of criminal law and justice clearer and more obvious than all others, it is that the offence imputed must be positively and precisely stated, so that the accused may certainly know with what he is charged, and be prepared to answer the charge as best he may.

[72] Peruntukan yang relevan di bawah KTJ mengenai pertuduhan ialah seksyen 152 hingga 154.

[73] Seksyen 152 KTJ memperuntukan seperti berikut:

152. (1) Every charge under this Code shall state the offence with which the accused is charged.

(2) If the law which creates the offence gives it any specific name the offence may be described in the charge by that name only.

(3) If the law which creates the offence does not give it any specific name so much of the definition of the offence must be stated as to give the accused notice of the matter with which he is charged.



(4) The law and section of the law against which the offence is said to have been committed shall be mentioned in the charge.

(5)

(6)

[74] Seksyen 153 KTJ memperuntukan seperti berikut:

153. (1) The charge shall contain such particulars as to the time and place of the alleged offence and the person, if any, against whom or the thing, if any, in respect of which it was committed as are reasonably sufficient to give the accused notice of the matter with which he is charged.

(2)

(3)

[75] Seksyen 154 KTJ memperuntukan seperti berikut:

154. When the nature of the case is such that the particulars mentioned in sections 152 and 153 do not give the accused sufficient notice of the matter with which he is charged, the charge shall also contain such particulars of the manner in which



the alleged offence was committed as will be sufficient for that purpose.

ILLUSTRATIONS

.....

[76] Kesalahan yang mana pemohon dituduh ialah di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM.

[77] Empat pertuduhan tersebut mengandungi butir-butir yang disebut dalam seksyen 152 KTJ iaitu kesalahan yang dipertuduhkan (menggunakan kedudukan untuk satu suapan); suapan bagi sekutunya PPBM; dan peruntukan undang-undang mengenai kesalahan (seksyen 23(1) Akta SPRM).

[78] Empat pertuduhan tersebut juga mengandungi butir-butir yang disebut dalam seksyen 153 KTJ iaitu masa dan tempat kesalahan dan orang yang memberikan suapan.

[79] Bagaimanapun empat pertuduhan tersebut tidak mengandungi butir-butir cara kesalahan dilakukan sebagaimana diperuntukan di bawah seksyen 154 KTJ.

[80] Seksyen 154 KTJ memperuntukan apabila sifat kes itu adalah seumpama bahawa butir-butir yang disebut dalam seksyen 152 dan 153 KTJ tidak memberikan tertuduh notis mencukupi perkara yang dia dituduh, pertuduhan hendaklah juga mengandungi butir-butir cara kesalahan dilakukan setakat yang mencukupi bagi tujuan itu.



[81] Seksyen 154 KTJ adalah peruntukan mandatori mengenai butir-butir cara kesalahan dilakukan.

[82] Pemohon menegaskan butir-butir dalam empat pertuduhan tersebut tidak mencukupi. Bercanggahan dengan seksyen 154 KTJ responden gagal mengkhususkan bagaimana kesalahan salah guna kuasa telah dilakukan. Dia tidak seharusnya dibiarkan untuk membuat spekulasi bagaimana dia telah salah guna kedudukan ketika menjadi Perdana Menteri. Ini mengakibatkan dia tidak berupaya memberikan arahan wajar kepada peguam untuk menyediakan pembelaan dan atau menghantar representasi bagi pertimbangan responden sebelum perbicaraan bermula. Hak asasi untuk suatu perbicaraan adil di bawah Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan telah dicabuli.

[83] Isu dalam alasan (ii) ialah sama ada empat pertuduhan tersebut memberikan pemohon notis mencukupi perkara yang dia dituduh. Jika tidak, maka empat pertuduhan tersebut hendaklah juga mengandungi butir-butir cara kesalahan dilakukan.

[84] Saya perturunkan di sini pertuduhan bagi kesalahan sama di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM dalam dua kes yang dirujuk kepada mahkamah ini oleh peguam pemohon.

[85] Dalam kes PP v. Dato' Sri Mohd Najib Hj Abd Razak [2020] 8 CLJ 319(Mahkamah Tinggi) pertuduhan bagi kesalahan sama di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM adalah dirangka seperti berikut:

Bahawa kamu antara 17 Ogos 2011 dan 8 Februari 2012, di Pejabat Perdana Menteri, Presint 1, Putrajaya, di dalam Wilayah



Persekutuan Putrajaya, sebagai seorang pegawai badan awam, iaitu Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia, telah menggunakan jawatan untuk suapan bagi diri kamu berjumlah empat puluh dua juta Ringgit Malaysia (RM42,000,000.00) apabila kamu telah terlibat dalam keputusan bagi pihak Kerajaan Malaysia untuk memberikan jaminan kerajaan bagi pinjaman-pinjaman berjumlah empat billion Ringgit Malaysia (RM4,000,000,000.00) daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) kepada SRC International Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama.

[86] Dalam kes PP v. Arul Kanda Kandasamy & Another Case [2023] 3 CLJ 770 pertuduhan bagi kesalahan sama di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM adalah dirangka seperti berikut:

Bahawa kamu di antara 22 Februari 2016 dan 26 Februari 2016, di Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya, sebagai seorang pegawai badan awam iaitu Perdana Menteri Malaysia dan Menteri Kewangan Malaysia telah menggunakan kedudukan kamu untuk mendapatkan suapan bagi diri kamu sendiri, iaitu, perlindungan daripada tindakan sivil atau jenayah berkaitan peranan kamu di dalam perjalanan operasi Syarikat 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) dengan cara mengambil tindakan mengarahkan Laporan Pengauditan 1MDB yang telah dimuktamadkan oleh Ketua Audit Negara dipinda seperti di Lampiran A sebelum laporan berkenaan dimuktamadkan semula



dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negara (PAC), yang mengenainya kamu secara langsung mempunyai kepentingan, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

[87] Dalam dua kes di atas pertuduhan bagi kesalahan sama di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM mengandungi butir-butir cara kesalahan dilakukan iaitu telah terlibat dalam keputusan bagi pihak Kerajaan Malaysia berhubung suatu perkara (PP v. Dato' Sri Mohd Najib Hj Abd Razak supra) dan dengan cara mengambil tindakan berhubung suatu perkara (PP v. Arul Kanda Kandasamy & Another Case supra).

[88] Mengapa dalam kes pemohon empat pertuduhan bagi kesalahan sama di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM tidak mengandungi butir-butir cara kesalahan dilakukan sama ada pemohon membuat keputusan atau mengambil tindakan dan berhubung perkara apa. Ini menimbulkan tanda tanya yang serius. Seolah-olah pihak pendakwaan tidak pasti apakah kes yang ingin dibawa terhadap pemohon, membuat keputusan atau mengambil tindakan dan berhubung perkara apa.

[89] TPR tidak merujuk mahkamah ini kepada mana-mana kes untuk menyokong hujahan bahawa bagi kesalahan sama di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM pertuduhan tidak perlu mengandungi butir-butir cara kesalahan dilakukan.

[90] Kes Mohd Khir bin Toyo v. PP [2015] 5 MLJ 429; Dalip Bhagwan Singh v. PP [1997] 4 CLJ 645; Hamimah bt Idruss v. PP [2020] 5 MLJ



161; Karpal Singh Ram Singh v. PP & Another Appeal [2016] 8 CLJ 15; Lim Kheng Boon & Ors v. PP [1991] 2 MLJ 78; dan Mazlan Othman v. PP [2013] 1 CLJ 750 yang dirujuk kepada mahkamah ini oleh TPR tidak relevan. Pertuduhan dalam semua kes tersebut bukan di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM dan tidak dibangkitkan isu seksyen 154 KTJ.

[91] Dalam kes pemohon empat pertuduhan tersebut di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM dan dibangkitkan isu seksyen 154 KTJ.

[92] Kes Mohd Ismail Syed Merah v. PP & Other Appeals [2022] 5 CLJ 218 yang dirujuk kepada mahkamah ini oleh TPR tidak relevan. Pertuduhan dalam kes ini di bawah seksyen 4(1)(a) AMLATFPUA dan bukan di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM. Mahkamah Rayuan menyatakan pertuduhan terhadap perayu berkenaan kesalahan pengubahan wang haram di bawah seksyen 4(1) AMLATFPUA, elemen kesalahan ialah menggunakan hasil daripada aktiviti haram bagi pertuduhan pertama hingga ketujuh dan memiliki hasil daripada aktiviti haram bagi pertuduhan kelapan, semua keperluan elemen kesalahan dinyatakan dalam pertuduhan, tiada ketinggalan butir-butir dalam pertuduhan, keperluan di bawah seksyen 152 dan 154 KTJ telah dipatuhi dan hujahan peguam perayu bahawa pertuduhan cacat, pertuduhan tidak menyatakan secara terperinci cara bagaimana kesalahan dilakukan dan melanggar peruntukan seksyen 152 dan 154 KTJ tidak mempunyai merit.

[93] Kes ini boleh dibezakan dengan kes pemohon. Pertuduhan dalam kes ini bukan di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM, tiada ketinggalan butir-butir dalam pertuduhan dan keperluan di bawah seksyen 152 dan 154 KTJ telah dipatuhi.



[94] Dalam kes pemohon empat pertuduhan tersebut di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM dan terdapat isu sama ada keperluan di bawah seksyen 154 KTJ telah dipatuhi.

[95] Kes Dato' Sri Mohd Najib Hj Abd Razak v. PP [2022] 1 CLJ 491(Mahkamah Rayuan) yang dirujuk kepada mahkamah ini oleh TPR adalah relevan. Pertuduhan bagi kesalahan sama di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM dan pertuduhan menyatakan cara kesalahan dilakukan iaitu telah terlibat dalam keputusan bagi pihak Kerajaan Malaysia berhubung suatu perkara tetapi tidak menyatakan kepentingan tertuduh dalam keputusan itu. Mahkamah Rayuan bersetuju dengan Mahkamah Tinggi bahawa tiada keperluan undang-undang untuk menyatakan dalam pertuduhan kepentingan tertuduh dalam keputusan itu.

[96] Ini berbeza dengan kes pemohon. Empat pertuduhan tersebut langsung tidak menyatakan cara kesalahan dilakukan sama ada membuat keputusan atau mengambil tindakan dan berhubung perkara apa.

[97] Daripada kes Dato' Sri Mohd Najib Hj Abd Razak v. PP (Mahkamah Rayuan) yang dirujuk kepada mahkamah ini oleh TPR pertuduhan bagi kesalahan sama di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM menyatakan cara kesalahan dilakukan iaitu telah terlibat dalam keputusan bagi pihak Kerajaan Malaysia berhubung suatu perkara.

[98] Seperti dinyatakan di atas kesalahan di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM adalah berkenaan pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk satu suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.



[99] Seksyen 23(2) Akta SPRM memperuntukan seperti berikut:

Bagi maksud subseksyen (1), seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap, sehingga akasnya dibuktikan, telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, apabila dia membuat apa-apa keputusan, atau mengambil apa-apa tindakan, berhubungan dengan apa-apa perkara yang mengenainya pegawai itu, atau mana-mana saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

[100] Seksyen 23(1) Akta SPRM dibaca bersama dengan seksyen 23(2) Akta SPRM, pada pandangan saya, kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk satu suapan, adalah berkenaan tertuduh membuat keputusan atau mengambil tindakan berhubung suatu perkara.

[101] Saya tidak setuju dengan TPR bahawa cara pemohon menggunakan kedudukan tidak perlu dinyatakan dalam pertuduhan tetapi boleh dibuktikan melalui keterangan ketika perbicaraan. TPR tidak merujuk mahkamah ini kepada mana-mana kes otoriti untuk menyokong hujahan bahawa bagi sifat kes ini pertuduhan tidak perlu mengandungi butir-butir cara kesalahan dilakukan.

[102] Jika cara pemohon menggunakan kedudukan boleh dibuktikan melalui keterangan ketika perbicaraan seperti diujahkan oleh TPR, ini tentunya mendatangkan ketidakadilan kepada pemohon kerana tujuan suatu pertuduhan adalah untuk maklumkan pemohon kesalahan yang dilakukan supaya dia boleh menyediakan pembelaannya. Daripada



empat pertuduhan tersebut yang tidak mengandungi butir-butir cara kesalahan dilakukan, pemohon tidak tahu sifat sebenar kesalahan yang dilakukan. Pemohon tidak berupaya untuk menyediakan pembelaan sewajarnya sebelum bermula perbicaraan.

[103] Bagi sifat kes ini pada pandangan saya empat pertuduhan tersebut yang hanya menyatakan butir-butir yang disebut dalam seksyen 152 dan 153 KTJ tidak memberikan pemohon notis mencukupi perkara yang dia dituduh. Memang benar empat pertuduhan tersebut menyatakan pemohon menggunakan kedudukan untuk satu suapan tetapi mengenai perkara apa. Adakah pemohon membuat keputusan atau mengambil tindakan dan berhubung perkara apa. Butir-butir ini tidak dinyatakan.

[104] Empat pertuduhan tersebut kabur. Pemohon terkeliru. Pemohon tidak tahu yang mana satu, adakah dia membuat keputusan atau mengambil tindakan dan berhubung perkara apa. Pemohon tidak seharusnya dibiarkan untuk membuat spekulasi.

[105] Empat pertuduhan tersebut tidak memberikan pemohon notis mencukupi perkara yang dia dituduh. Pemohon diprejudis apabila tidak tahu sifat sebenar kesalahan yang dilakukan dan tidak berupaya untuk menyediakan pembelaan sewajarnya sebelum bermula perbicaraan.

[106] Bagi sifat kes ini pertuduhan hendaklah juga mengandungi butir-butir cara kesalahan dilakukan sama ada pemohon membuat keputusan atau mengambil tindakan dan berhubung perkara apa. Ini bagi memberikan pemohon notis mencukupi perkara yang dia dituduh sebagaimana diperuntukan di bawah seksyen 154 KTJ, pemohon tahu sifat sebenar kesalahan yang dilakukan dan pemohon berupaya untuk



menyediakan pembelaan sewajarnya. Ini juga menurut pertuduhan seperti yang dirangka dalam kes PP v. Dato' Sri Mohd Najib Hj Abd Razak supra dan PP v. Arul Kanda Kandasamy & Another Case supra.

[107] Kegagalan responden menyatakan cara kesalahan dilakukan sama ada pemohon membuat keputusan atau mengambil tindakan dan berhubung perkara apa, maka empat pertuduhan tersebut tidak mematuhi keperluan mandatori seksyen 154 KTJ. Ia bukan suatu kesilapan atau ketinggalan (seksyen 156 KTJ) atau ketidakaturan (seksyen 422 KTJ).

[108] Empat pertuduhan tersebut cacat kerana tidak mematuhi keperluan mandatori seksyen 154 KTJ.

[109] Pemohon tidak boleh dipaksa untuk melalui prosiding jenayah yang tidak menghiraukan atau tidak selaras dengan kehendak undang-undang iaitu seksyen 154 KTJ. Ini sama dengan penyalahgunaan proses mahkamah. Untuk membenarkan perbicaraan diteruskan dengan pertuduhan yang melanggar undang-undang akan menjadi penyalahgunaan proses mahkamah secara terang-terangan (lihat Anuar bin Ghazali v. PP supra).

Kesimpulan

[110] Pertuduhan cacat yang dikemukakan terhadap pemohon tidak boleh dipulihkan oleh seksyen 156 dan atau seksyen 422 KTJ.

[111] Empat pertuduhan tersebut tidak mendedahkan suatu kesalahan di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM dan empat pertuduhan tersebut tidak mematuhi keperluan mandatori seksyen 154 KTJ, adalah suatu hal



keadaan luar biasa yang mewajarkan saya melaksanakan kuasa sedia ada. Ini bagi mengelakan penyalahgunaan proses mahkamah dan salah laksana keadilan.

[112] Mahkamah mempunyai kuasa sedia ada untuk membuat perintah pemohon dilepaskan dan dibebaskan daripada empat pertuduhan tersebut (lihat Abdul Azeez Abdul Rahim v. PP supra).

[113] Saya membenarkan permohonan pemohon di perenggan 1 dan 2 notis usul (Kand.1).

[114] Empat pertuduhan tersebut dibatalkan. Pemohon dilepaskan dan dibebaskan.

Bertarikh: 24 Ogos 2023


MUHAMMAD JAMIL BIN HUSSIN
HAKIM
MAHKAMAH TINGGI JENAYAH 4
KUALA LUMPUR



S/N myT/1zb3I0ud1qUkHuYoog

35

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

35

Kaunsel:

- Bagi pihak pemohon** - **Hisyam Teh Poh Teik**
(M Kumaraendran, Rosli Dahlan, Amer Hamzah bin Arshad, Chetan Jethwani, Dev Kumaraendran, Low Wei Loke, Kee Wei Lon, Teh See Khoon, Siti Sumayyah Jaafar dan Joshua Tay bersamanya)
Tetuan Chetan Jethwani & Co
- Bagi pihak responden** - **Wan Shahrudin bin Wan Ladin**
(Ahmad Akram bin Gharib, Nor Asma binti Ahmad, Noralis binti Mat, Poh Yih Tinn dan Zander Lim Wai Keong bersamanya)
Timbalan Pendakwa Raya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
PERMOHONAN JENAYAH NO: WA-44-38-04/2023

ANTARA
MAHIADDIN BIN MD YASIN PEMOHON
DAN
PENDAKWA RAYA RESPONDEN

POSTSCRIPT

Saya telah pada muka surat 18 perenggan [47] Penghakiman merujuk kepada seksyen 3 (f) Akta SPRM yang mana sepatutnya ia adalah seksyen 3 (I) Akta SPRM:

(f) mana-mana pertubuhan, kesatuan, organisasi atau badan yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.

Yang sepatutnya dirujuk adalah:

(I) mana-mana pertubuhan, kesatuan, organisasi atau badan yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.

Bertarikh: 6 September 2023


MUHAMMAD JAMIL BIN HUSSIN
HAKIM
MAHKAMAH TINGGI JENAYAH 4
KUALA LUMPUR



S/N myT/1zb3I0ud1qUkHuYoog

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

37

